Nama : Kelas :

11. Roswienah mempunyai 60 kg beras. Dia menjual 30% daripada beras itu kepada Minah dan 20% daripada bakinya kepada Mirza. Berapakah jisim beras yang tinggal?
A 8.4 kg
B 18 kg
C 33.6 kg
D 42 kg

12. Sebuah kereta menggunakan 15 ℓ petrol bagi perjalanan sejauh 120 km. Berapakah jarak yang dilalui jika kereta itu menggunakan 10 ℓ petrol pada kelajuan yang sama?
A 45 km
B 50 km
C 80 km
D 100 km

13. Rajah 1 menunjukkan kedudukan Bandar A, B, C dan D.

Rajah 1

Jarak AB = Jarak CD. Jarak BC adalah 4 kali jarak AB. Jika perjalanan dari Bandar A ke Bandar B menggunakan 3 ℓ petrol. Berapakah isi padu petrol yang diperlukan untuk perjalanan dari Bandar A ke Bandar D melalui Bandar B dan Bandar C?
A 6 ℓ
B 9 ℓ
C 15 ℓ
D 18 ℓ

14. Terdapat beberapa batang tiang lampu di sepanjang sebuah lorong. Jarak di antara tiang lampu dengan tiang lampu yang berikutnya ialah 50 m. Berapakah jarak di antara tiang lampu yang pertama dengan tiang lampu yang kelima?
A 0.2 km
B 0.5 km
C 0.6 km
D 2 km

15. Puan Hasmida memasukkan 800 g tepung ke dalam bekas. Dia menambah lagi 5 mangkuk kecil tepung ke dalam bekas itu. Jisim setiap mangkuk kecil ialah $\frac{3}{4}$ kg. Hitung jumlah jisim tepung dalam bekas.
A 4 050 g
B 4 500 g
C 4 550 g
D 4 005 g

16. Pengiraan Indeks Jisim Badan (BMI) ialah jisim badan (kg) dibahagi dengan tinggi (m) × tinggi (m). Kira BMI Luqman jika jisim Luqman ialah 57.8 kg dan ketinggiannya ialah 170 cm.
A 20
B 20.2
C 20.25
D 21

17. Pengiraan Indeks Jisim Badan (BMI) ialah jisim badan (kg) dibahagi dengan tinggi (m) × tinggi (m). Kira jisim, dalam kg, Nigel jika BMI Nigel ialah 24.25 dan ketinggiannya ialah 120 cm.
A 33.71 kg
B 34.55 kg
C 34.92 kg
D 35.05 kg

18. Tinggi sebuah kolam renang berbentuk kuboid ialah 2 m. 750 ℓ air diperlukan untuk mengisi sehingga paras $\frac{1}{4}$ daripada ketinggian kolam itu. Hitung isi padu air jika kolam itu penuh.
A 3 000 mℓ
B 3 350 mℓ
C 3 500 mℓ
D 4 500 mℓ

19. Aliff memandu sejauh 72 km selama 48 minit dengan kelajuan yang sama. Berapa jauh Aliff memandu selama 50 minit dengan kelajuan yang sama?
A 74 km
B 75 km
C 77 km
D 78 km

20. Sebuah kereta memerlukan 13 ℓ petrol untuk bergerak sejauh 250 km. Berapa ℓ petrol yang diperlukan untuk perjalanan sejauh 750 km dengan kadar penggunaan petrol yang sama?
A 25
B 30
C 33
D 39

LIVEWORKSHEETS

Selesaikan masalah yang berikut. SP 7.1 (i) TP 4, TP 5

1. Sheila membeli sejumlah mangga di pasar tani. Dia membeli 5 kg mangga dengan harga RM27. Jika William membeli mangga yang sama dan membayar sebanyak RM70.20, hitung jisim, dalam kg, mangga yang dibeli oleh William.

Jawapan: _____

2. Jisim satu guni beras ialah 17 300 g. Semasa pekerja mengangkat guni itu, didapati bahawa guni itu telah bocor dan jisim beras telah berkurang sebanyak 25% daripada jisim asal. Hitung jisim, dalam kg, beras yang masih tinggal.

Jawapan: _____

3. Rajah berikut menunjukkan jisim sebuah bongkah kayu berbentuk kuboid. Seorang pekerja ingin memotong bongkah kayu kepada beberapa bahagian yang sama besar yang setiapnya berjisim 325 g. Hitung ukuran, dalam cm, bagi setiap bahagian kayu itu yang boleh dipotong.



Tunjukkan ukuran bagi setiap bahagian bongkah kayu yang dipotong itu dalam gambar rajah.

Jawapan: _____

LIVEWORKSHEETS